



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

24 Oktober 2016

**"BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT"**

**AJKKD**

**Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad**

Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN ELAUN AHLI JAWATANKUASA KECIL DAERAH (AJKKD) BAGI TAHUN KEBELAKANG (PENGGAL 2015/2016)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum Mesyuarat Agung yang ke 81 pada 2 Jun 2016 telah meluluskan kenaikan elaun AJKKD kepada RM2,800 daripada RM1,300 bagi tahun kebelakang iaitu penggal 2015/2016.
3. Keputusan Mesyuarat Agung tersebut telah dirujuk kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk kelulusan. Walau pun demikian SKM melalui suratnya bertarikh 8 September 2016 telah memutuskan seperti berikut :-
  - a) Koperasi tidak wajar membayar kenaikan elaun AJKKD bagi tahun kebelakang kerana belanjawan yang dibentangkan pada tahun 2015-2016 akan lupus pada tahun berikutnya; dan
  - b) Kenaikan elaun daripada RM1,300 kepada RM2,800 melibatkan peningkatan kadar sebanyak 115%. Ini tidak selaras dengan peningkatan pendapatan koperasi sebanyak 3% sahaja bagi tahun 2014-2015 dan sebanyak 4% bagi tahun 2015-2016 (anggaran)